

05 OCT 2003

Mahathir-Program

DR MAHATHIR TERUS PUNYAI PROGRAM PADAT SEBELUM BERSARA

KUALA LUMPUR, 5 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang akan bersara hujung bulan ini, terus mempunyai aturcara padat termasuk menghadiri persidangan antarabangsa di luar negara.

Malah dengan tersenyum, beliau menganggap programnya yang padat itu sebagai "jadual yang amat baik."

Sejak awal bulan ini, Dr Mahathir sibuk dengan Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi (LIMA) selain menghadiri pelbagai acara yang lain.

Semasa bercakap pada persidangan media selepas melancarkan dan menyaksikan Kejohanan Bot Laju F1 GP Malaysia di Mines Resort City di Seri Kembangan dekat sini hari ini, Perdana Menteri berkata beliau akan ke Bali, Indonesia esok untuk menghadiri Sidang Kemuncak Asean.

Sekembalinya pada hari Rabu, beliau mempunyai pelbagai acara termasuk mempengerusikan Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Putrajaya.

Selepas itu, beliau akan ke Bangkok untuk menghadiri persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) yang akan diadakan pada 20 dan 21 Okt, katanya.

Dr Mahathir berkata beliau kemudian akan mengadakan lawatan ke Jogjakarta sebelum ke Timor Leste dan Papua New Guinea.

Menyentuh tarikh penyerahan tugas kepada timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Dr Mahathir dengan berseloroh berkata: "Kita kena baca dalam `BusinessWeek' kerana mereka lebih tahu bagaimana saya akan menyerahkan tugas kepada timbalan saya."

"Sekarang saya kena menuruti mereka, jika tidak mereka akan dianggap berbohong," katanya secara bergurau.

Dr Mahathir turut berbangga dengan pencapaian rakyat negara ini semasa beliau menerajui negara, termasuk kejayaan mendaki Gunung Everest, berenang merentasi Selat Inggeris, mengelilingi dunia dengan kapal layar dan mengembara ke khutub utara.

-- BERNAMA

HK AZZ ROS